

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
17 APRIL 2020**

PERKARA : 5(B)(IV)18

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BATU LANCANG
YB. ONG AH TEONG**

18. Apakah tindakan yang telah dan akan diambil oleh Kerajaan Negeri bagi memudahkan urusan pembayaran cukai petak bagi Skim Perumahan Strata?

JAWAPAN OLEH Y.A.B. KETUA MENTERI

18. Tindakan yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri bagi memudahkan urusan pembayaran cukai petak adalah:
- (i) pengecualian denda lewat kepada semua pemilik petak bagi tahun 2019;
 - (ii) pembayaran cukai petak di kaunter Majlis Bandaraya Pulau Pinang dan Majlis Bandaraya Seberang Perai mulai 1 Januari 2020;
 - (iii) pembayaran cukai petak secara atas talian di portal e-Bayar melalui akaun debit (FPX), kad kredit dan kad debit mulai 1 Januari 2020;
 - (iv) had transaksi pembayaran di portal e-Bayar dengan menggunakan akaun debit (FPX) telah ditingkatkan dari RM5,000.00 kepada RM30,000.00 bagi setiap transaksi mulai Mac 2020; dan

- (v) promosi dan hebahan kepada pemegang-pemegang taruh seperti Pesuruhjaya Bangunan (COB), Penang Committee Bar, YB-YB ADUN, penjawat awam negeri supaya dapat memberikan keterangan yang sahih dan benar kepada rakyat.

Tindakan yang akan diambil untuk memudahkan urusan pembayaran cukai petak adalah seperti berikut:

- (i) penambahan saluran pembayaran cukai petak seperti mesin kiosk dll;
- (ii) promosi dan hebahan secara berterusan kepada rakyat Pulau Pinang; dan
- (iii) kolaborasi Pejabat Daerah dan Tanah dengan Kaunter Bergerak MBSP di pasar-pasar awam terpilih di daerah Seberang Perai Selatan, Seberang Perai Tengah dan Seberang Perai Utara mulai April 2020.